




E BULETIN ACIS

MEMPERKUKUH PRESTASI, MENJANGKAU LIMITASI



SOROTAN TAJUK UTAMA

**MANHAJ RABBANI SERVED
AS A BASIS TO NURTURE
HUMANITY**

5

**ESKU 2021 ACIS: HALAL DAN
MUAMALAT KEKAL MENDAPAT
TUMPUAN PENGUNJUNG MAYA**

7

**YAYASAN RIZALMAN
IBRAHIM SANTUNI
MAHASISWA B40 ACIS**

8

MEMPERKUKUH PRESTASI, MENJANGKAU LIMITASI

E Buletin ACIS edisi ketiga merangkumkan sorotan prestasi ACIS bagi separuh penggal pertama 2021. Membawakan tema memperkukuh prestasi, menjangkau limitasi, ACIS terus melakar kegemilangan dengan menjalankan lebih banyak program berimpak tinggi dan menggiatkan jalinan hubungan dengan industri.

Digitalisasi penyampaian maklumat digunakan sepenuhnya untuk mendekati masyarakat yang lebih pelbagai. Sokongan kuat seluruh sistem dalam menggerakkan ACIS ke persada yang lebih tinggi mampu membawa ACIS menjangkau limitasi.

I TALENT

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) ACIS telah berjaya terbang ke tingkat yang lebih tinggi dalam penganjuran program apabila berjaya merealisasikan Program International Islamic Talent (i Talent). Program yang mencungkil bakat terpendam siswa dan siswi dalam sub kategori pertandingan Tilawah al Quran, Ikon al Fateh, Filem Pendek Islamik, Nasyid dan Kaligrafi Jawi ini berjaya meraih penyertaan yang amat memberangsangkan bukan sahaja daripada siswa dan siswi dalam negara, malahan penyertaan khas daripada peserta antarabangsa.

Pujian harus diberikan kepada jawatankuasa program baik staf HEP lebih lagi daripada kalangan pimpinan pelajar ACIS melalui Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) ACIS. Program ini berjaya mengetengahkan bukan sahaja bakat luar biasa siswa dan siswi, tetapi juga kualiti penyertaan yang memang pada skala antarabangsa. Tilawah al Quran mengangkat saudara Mohd Qosim Bin Husni daripada Universiti al Azhar, Mesir sebagai Johan Qari, dan saudari Nur Ilyana Natasya Anuar daripada UiTM Kampus Dungun sebagai Johan Qariah.

Pertandingan hafazan menyaksikan saudara Mohamad Daniel Haziq Haswadi (UiTM Dengkil) menjadi Johan dan Saudari Che Ku Nor Hidayah Binti Che Ku Mohamad daripada Darul Quran mendapat Naib Johan. Tidak dapat di sanggah, keterujaan menyaksikan bacaan al Quran daripada permata yang tidak dapat di lihat secara zahir di dalam sesi pengkuliahhan. Semoga bakat yang menyertai i Talent kali ini adalah bukti kepada siswa siswi yang bakal memberi impak positif kepada pembangunan negara kelak.



Ikon al Fateh pula menguji kelancaran peserta dalam membicarakan isu semasa yang berkait pendidikan, sosial dan dakwah kontemporari. Saudara Muhammad Emil Hakim daripada Universiti Nahdlatul Ulama Jepara, Indonesia mendapat tempat ketiga memberikan persaingan sengit kepada saudari Norainaa Najihah Mohd Nordin daripada UiTM Shah Alam yang dinobatkan sebagai juara.





اَبُوْ اَسِيْقِيْ تِيْكَوْلُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.